

GARIS PANDUAN KONFLIK KEPENTINGAN



PERKARA YANG TERMASUK DALAM KEPENTINGAN PERIBADI

i	Isteri atau suami;
ii	Adik atau abang atau kakak;
iii	Adik atau abang atau kakak isteri atau suami;
iv	Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah;
v	Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami;
vi	Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang di sebut (anak, suami/isteri dan sebagainya yang diistilahkan sebagai SAUDARA)
vii	Bapa saudara, emak saudara atau sepupu; atau
viii	Menantu orang itu

Setiap warga SAFODA adalah dilarang :

- Mengadakan hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan mana - mana pihak ketiga untuk kepentingan peribadi yang boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas rasminya.
- Membiarkan diri atau saudara/ sekutu berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kepentingan tugas rasmi.
- Terlibat dalam membuat keputusan atau urusan perolehan atas kapasiti tugas rasmi dengan mana-mana pihak yang mana saudaranya atau sekutunya memiliki kepentingan dalam pihak tersebut.
- Menyalahguna kedudukan rasmi untuk mempengaruhi keputusan yang memihak kepada dirinya atau saudara/ sekutunya
- Menyalahguna kedudukan rasmi sebagai warga SAFODA untuk mendapat layanan istimewa atau keuntungan daripada mana-mana pihak ketiga.
- Menyalurkan apa-apa maklumat terperinci berkaitan Lembaga yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di SAFODA.



Pelanggaran Polisi

- Kegagalan dan keengganan warga SAFODA yang tidak mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga, pihak syarikat selepas pertimbangan wajar bolehlah memaklumkan kepada Pihak Berkuasa yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.
- Sekiranya didapati warga SAFODA tidak atau lewat membuat pengisytiharan kepada Ketua Jabatan maka tindakan tatatertib di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam(Kelakuan dan Tatatertib) 1993 boleh dikenakan namun bergantung kepada pertimbangan Ketua Jabatan.



GARIS PANDUAN KONFLIK PENERIMAAN HADIAH

Hadiah termasuk perkara-perkara berikut:

Wang Tunai	Tambang percuma
Harta alih dan harta tidak alih	Saham
Kenderaan	Tiket loteri
Kemudahan perjalanan	Hiburan
Perkhidmatan	Diskaun
Keahlian kelab	Komisen
Hamper	Perhiasan
Barang kemas	Apa-apa pemberian

Penerimaan Hadiah Yang Dibenarkan:

- Penerimaan hadiah daripada rakan sekerja dan keluarga sempena persaraan, pertukaran, pertunangan dan perkahwinan pegawai;
- Nilainya kurang daripada RM100 (Makanan atau hadiah yang cepat rosak dan tidak tahan lama)
- Sumbangan yang dimohon dengan mendapat kelulusan Ketua Jabatan.
- Apa-apa hadiah yang diterima perlu dimaklumkan dengan mengisi borang secara **online**.

Pemberian Hadiah Yang Dibenarkan:


- Pemberian hadiah yang **dibenarkan** oleh warga SAFODA ialah apa-apa hadiah yang amaunnya tidak melebihi RM 100 dan tidak bermaksud pemberian yang berunsurkan rasuah.

Penerimaan Hadiah Yang Tidak Dibenarkan:

- Hadiah yang berbentuk **wang tunai** dan tiada **had nilai**.
- Hadiah itu **diterima** atau **diminta dengan niat rasuah** yang mempunyai **perhubungan dengan tugas awam** pegawai itu sendiri.



Keputusan Ketua Jabatan

- Memastikan penerimaan hadiah itu dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993;
 - Penerimaan hadiah itu tidak menimbulkan syak wasangka pegawai telah menggunakan kedudukan awam atau kuasanya untuk memperolehi hadiah;
 - Kekerapan pegawai menerima hadiah;
 - Hubungan antara pegawai dengan pemberi hadiah khususnya mengenai tugas dan kuasanya; dan
 - Kepentingan Jabatan secara keseluruhan.
- 



Pelanggaran Polisi

- Kegagalan atau keenganan warga SAFODA untuk mematuhi polisi ini boleh dikategorikan sebagai ingkar perintah dan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.
- Pelanggaran polisi ini oleh pihak ketiga aan dimaklumkan kepada Perbendaharaan Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana Badan Pegawai berkaitan untuk tindakan.



GARIS PANDUAN ETIKA PENAMPILAN

Etika Pakaian

a) Lounge Suit

Lelaki

1. Gabungan 3 - pieces suit yang terdiri daripada :
 - Kot
 - Kemeja
 - Seluar panjang
2. Suit perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher.
3. Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan.
4. Pilihan warna suit yang digalakkan adalah warna hitam.
5. Kemeja berkolar dan berlengan panjang.
6. Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (tuck-in) dan lengan tidak dilipatkan.
7. Rambut yang pendek dan rapi.
8. Kasut hitam bertutup dan stoking berwarna hitam.

Wanita

1. Gabungan 3 -pieces suit yang terdiri daripada :
 - Kot
 - Kemeja
 - Seluar Panjang
 - Skirt labuh
2. Suit perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang. Seluar panjang yang tidak terlalu ketat.
3. Kadar labuh skirt dan kot mestilah bersesuaian, tidak terlalu ketat atau mencolok mata serta sepadan dari segi warna dan jenis bahan.
4. Pilihan warna suit skirt yang digalakkan adalah warna hitam.
5. Di padankan dengan warna tudung yang bersesuaian.
6. Kasut hitam bertutup sekeliling dan stoking yang bersesuaian.

Etika Pakaian

b) Baju Korporat

- Pemakaian baju Korporat SAFODA diwajibkan pada setiap hari Isnin dan ketika majlis-majlis/program yang bersesuaian.
- Sebarang rekaan dan warna selain yang telah ditetapkan tidak dibenarkan.
- Bagi lelaki berpenampilan kemas dan berseluar slack hitam.
- Kasut hitam bertutup dan padanan stoking mengikut warna yang bersesuaian.



Etika Pakaian

c) Baju Kasual

- Pakaian yang selesa dan t-shirt berkolar yang perlu tuck-in;
- Seluar panjang slack warna gelap (hitam atau biru gelap);
- Kasut hitam bertutup dan padanan stoking mengikut warna yang bersesuaian.

d) Pakaian Sukan

- Baju T tanpa kolar atau berkolar
- Jaket sukan
- Seluar sukan yang bersesuaian
- Berkasut sukan



Etika Pakaian

e) Baju Batik Malaysia

- Baju Batik Malaysia yang berlengan panjang harus dipakai oleh penjawat awam pada setiap hari Khamis.
- Digalakkan membawa baju batik semasa menghadiri urusan rasmi diluar negara dan memakainya di majlis yang bersesuaian. Ini adalah bagi melambangkan imej dan identiti Malaysia.
- Kasut hitam bertutup dan padanan stoking mengikut warna yang bersesuaian.
- Pemakaian baju batik bagi lelaki harus di padankan dengan seluar slack warna hitam atau biru gelap.

Etika Pakaian

f) Baju Kebangsaan

- Pakaian kebangsaan / tradisional mengikut kaum;
- Pemakaian Baju Kebangsaan bagi lelaki adalah Baju Melayu lengkap bersampin, bersongkok hitam dan butang dikenakan secara lengkap.
- Digalakkan memakai baju lelaki lengkap pada hari Jumaat (Untuk Lelaki)
- Pemakaian Baju Kebangsaan bagi perempuan adalah baju Kurung/kebaya /kebarung, Cheongsam, sut Punjabi dan Sari.
- Cheongsam hendaklah berlenggan panjang dan labuh.
- Kasut hitam bertutup dan padanan stoking mengikut warna yang bersesuaian.

Etika Pakaian

g) Baju Istiadat

- Baju Melayu serba hitam dipakai secara lengkap bersampin songket hitam berbenang emas sahaja, bersongkok baldi hitam dan butang dikenakan secara lengkap (lelaki Islam).
- Lounge Suit hitam, kemeja lengan panjang dan tali leher berwarna gelap (lelaki bukan Islam).
- Baju kurung atau kebaya yang tidak terdedah di dada dan kainnya yang tidak berbelah.
- Bagi wanita yang tidak bertudung boleh memakai selendang dengan dipinkan di bahu sebelah kanan.
- Kasut bertutup dan berwarna hitam.

Etika Penampilan Yang Dilarang

- i. Pakaian dari jenis jeans, denim, khakis, legging, kulit atau yang seumpamanya.
- ii. Pakaian mencolok mata, sebagai contoh pakaian ketat, terdedah dan jarang sehingga menampakkan bentuk badan dan pakaian dalam.
- iii. Mewarnakan rambut dengan warna yang terang.
- iv. Rambut mestilah pendek dan kemas dan sekiranya berjanggut, potongan rapi perlu dilakukan.
- v. Selipar, sandal, capal, kasut riadah (kecuali atas sebab kesihatan atau terdapat keperluan mengikut kesesuaian tugas).
- vi. Pemakaian selipar dibenarkan ke surau dan tandas sahaja.
- vii. Pemakaian baju kurta dan baju melayu yang tidak lengkap tidak dibenarkan.

Penampilan Kemas

- Semua pegawai beragama islam perlu berpakaian menutup aurat sepertimana tuntutan agama.
- Semua pegawai perlu penampilan kemas, menepati kesesuaian jantina dan sesuai dengan imej perkhidmatan awam. Pakaian hendaklah sentiasa bersih dan bergosok.
- Bagi pegawai lelaki, rambut perlu kelihatan rapi dan panjang rambut tidak mencecah kolar baju. Rambut tidak boleh diwarnakan dan trend rambut *punk* atau seumpamanya sama sekali tidak dibenarkan
- Janggut dan misai hendaklah dipotong kemas(dirapikan). Janggut tidak boleh mencecah butang atas baju dan misai tidak boleh melebihi bahagian atas bibir.
- Pegawai tidak dibenarkan mencacah *tattoo* atau menindik di bahagian badan yang jelas kelihatan.
- Kuku hendaklah tidak terlalu panjang dan sentiasa dijaga bersih.



Pemakaian Tanda Nama

- Semua pegawai hendaklah memakai tanda nama Ketika bertugas mengikut peraturan berikut ;
 - i. Tanda nama hendaklah berasaskan huruf rumi
 - ii. Tanda nama hendaklah disematkan di pakaian di bahagian dada di sebelah kiri.

MESEJ INTEGRITI
BIL. 16 /2023

ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN PENJAWAT AWAM

PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA. TATAKELAKUAN DAN
PENGURUSAN TATATERTIB PEGAWAI AWAM : CERAIAN UP.7.2.3



DILARANG



- ✓ RAMBUT **KEMAS**
- ✓ TUDUNG **RINGKAS**
- ✓ PEMAKAIAN TANDA NAMA
- ✓ SKIRT BAWAH LUTUT

- ✓ PAKAIAN LONGGAR & TIDAK MENJOLOK MATA
- ✓ SELUAR **PANJANG** / KAIN **LONGGAR**
- ✓ KASUT **BERTUTUP**

- ✓ PAKAIAN SERAGAM HENDAKLAH SENTIASA DI PAKAI SEMASA BEKERJA BAGI MEREKA YANG DIBEKAL DENGANNYA (PP BIL. 7 /1990)